

Sultan Selangor berkenan lancar inisiatif Pertanian Untuk Rakyat

PUTRA lambang sumbangan penting, komitmen UPM perkasa bidang pertanian

Oleh Norzamira Che Noh
bhnews@bh.com.my

Klang: Sultan Selangor Sultan Sharafuddin Idris Shah berkenan melancarkan penjenamaan semua aktiviti pengembangan pertanian dan keterjaminan makanan Universiti Putra Malaysia (UPM) di bawah jenama Pertanian Untuk Rakyat (PUTRA).

Pelancaran PUTRA oleh baginda yang juga Canselor UPM dilaksanakan dengan menandatangani plak perasmian yang dibawa masuk oleh sebuah robot di Istana Alam Shah dekat sini, semalam.

Naib Canselor UPM, Datuk Prof Dr Ahmad Farhan Mohd Sdullah, berkata pelancaran PUTRA melambangkan sumbangan penting UPM dalam memperkasa bidang pertanian serta komitmen universiti berkenaan dalam memajukan pertanian untuk kepentingan masyarakat.

“Penjenamaan ini memberikan pendedahan kepada masya-

rakat bahawa UPM bersama agensi terbabit menyediakan pelbagai program latihan, pendidikan dan penyelidikan kepada petani tempatan yang boleh menyumbang kepada peningkatan sara hidup dan pembangunan ekonomi masyarakat.

“Dalam usaha ini, UPM giat bekerjasama dengan agensi luar seperti projek Inisiatif Pendapatan Rakyat Inisiatif Usahawan Tani (IPR-INTAN @ UPM), program pengembangan PUTRA oleh Pusat Transformasi Komuniti Universiti (UCTC) dan persidangan ilmu membincangkan agenda keterjaminan makanan,” katanya.

Beliau berkata, pertanian bandar adalah antara kerjasama dengan komuniti bandar yang sering dijalankan bagi menyebarkan ilmu pertanian dalam kalangan masyarakat setempat.

Manfaat teknologi AI

Katanya, terbaharu sekumpulan penyelidik Institut Pertanian Tropika dan Sekuriti Makanan (ITAFoS) dan Fakulti Pertanian (FP) sudah menuai rintis padi varieti baharu rintang kemarau dan berkualiti tinggi yang dinamakan benih Climate Ready (CR) berskala besar di bendang Kampung Muring, Kota Bharu, Kelantan.

“Usaha ini disokong dengan perkembangan teknologi digital



Sultan Sharafuddin menandatangani plak perasmian pada majlis pelancaran PUTRA di Istana Alam Shah, semalam. Turut hadir, Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari (kanan) dan Ahmad Farhan (tiga dari kanan).

(Foto BERNAMA)

mudah dan terbaru melalui teknologi kecerdasan buatan (AI).

“Antara kajian yang telah dipelopori seperti pengesanan tekanan tumbuhan menggunakan aplikasi DEEP-NDVI Model.

“Ini termasuk juga pertanian pintar menggunakan data tepat AI, pertanian digital berkembar oleh Putra Science Park (PSP) serta sistem sensor pemantauan

kualiti air bagi penternakan ikan siakap oleh Institut Antarabangsa Akuakultur dan Sains Akuatik UPM,” katanya.

Mengulas lanjut, Ahmad Farhan berkata, inisiatif itu selari dengan Dasar Agromakanan Negara 2012-2030 (DAN 2.0) untuk meningkatkan kesedaran masyarakat akan pentingnya keterjaminan makanan serta mene-

gaskan peranan penting UPM sebagai institusi pendidikan yang berkait rapat dengan pertanian.

Jelasnya, turut dilaksanakan Kolaborasi Perbadanan Hal Ehwal Bekas Angkatan Tentera (Perhebat) menerusi program Usahawantani Putra-Perhebat dalam memartabatkan sosioekonomi bakal pesara sertaveteran Angkatan Tentera Malaysia (ATM).